BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

PEN : 01/03/50

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 1900 pada hari Selasa 28 Januari 2003

Maklumat Utama Bagi Siaran Akhbar Disember 2002

Dasar Kewangan yang Akomodatif terus Menyokong Sektor Swasta

Disamping aktiviti ekonomi yang kekal kukuh, aliran menurun dalam kadar berian pinjaman kekal sebagai faktor utama bagi menggalakkan permintaan pinjaman. Pengeluaran pinjaman meningkat tinggi pada bulan Disember, terutamanya kepada sektor perniagaan, mencerminkan aktiviti pelaburan yang semakin pulih. Walaupun bayaran balik pinjaman meningkat, pinjaman yang belum dijelaskan termasuk pinjaman yang ditukar kepada ekuiti dan yang telah dihapus kira, juga meningkat iaitu sebanyak 5% pada tahun 2002. Perkembangan yang menggalakkan telah ditunjukkan oleh peningkatan dalam pinjaman yang diberikan oleh sistem perbankan kepada peminjam kecil bagi pinjaman RM500,000 dan ke bawah yang mencakupi sebanyak 53% daripada jumlah pinjaman yang belum dijelaskan pada akhir tahun 2002 berbanding dengan 48% pada akhir tahun 2001. Berian pinjaman bank yang lebih tinggi telah menyumbang kepada perkembangan dalam wang secara meluas M3 pada bulan Disember.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

PEN : 01/03/50

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau diterbitkan sebelum jam 1900 pada hari Selasa, 28 Januari 2003

SIARAN AKHBAR
PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN
DISEMBER 2002

Disamping aktiviti ekonomi yang kekal kukuh, aliran menurun dalam kadar berian pinjaman kekal sebagai faktor utama bagi menggalakkan permintaan pinjaman. Pengeluaran pinjaman meningkat tinggi pada bulan Disember, meningkat sebanyak 9.9%. Pada bulan tersebut, pengeluaran pinjaman kepada sektor perniagaan adalah lebih kukuh, mencerminkan aktiviti pelaburan yang semakin pulih.

Pinjaman yang diluluskan juga terus bertambah. Walaupun bayaran balik pinjaman meningkat, pinjaman yang belum dijelaskan juga meningkat pada kadar tahunan sebanyak 4.3% pada bulan Disember. Jika diambil kira pinjaman yang ditukar kepada ekuiti dan yang telah dihapus kira, pinjaman yang belum dijelaskan meningkat sebanyak 5% pada tahun 2002. Perkembangan yang menggalakkan telah ditunjukkan oleh peningkatan dalam pinjaman yang diberikan oleh sistem perbankan kepada peminjam kecil bagi pinjaman RM500,000 dan ke bawah yang mencakupi sebanyak 53% daripada jumlah pinjaman yang belum dijelaskan pada akhir tahun 2002.

Pengeluaran pinjaman yang lebih tinggi telah menyumbang kepada perkembangan monetari pada bulan Disember. M1 terus berkembang disebabkan oleh perbelanjaan penggunaan sempena cuti hujung tahun dan penggunaan yang berkaitan dengan perayaan yang mendorong permintaan bermusim bagi mata wang serta deposit permintaan. Peningkatan dalam M3 disebabkan terutamanya oleh pemberian pinjaman bank yang lebih tinggi kepada sektor swasta.

Kadar faedah rendah disamping mudah tunai yang lega

Kadar faedah antara bank terus kekal rendah dan stabil. Operasi mudah tunai BNM pada bulan Disember mengembang bagi mengekalkan kestabilan mudah tunai di dalam sistem. Hasilnya, purata kadar faedah berwajaran antara bank 3-bulan berada pada kadar 3.01%.



Operasi mudah tunai BNM mengembang sebanyak RM2.1 bilion



Keadaan mudah tunai kekal lega



Kadar faedah antara bank kekal rendah dan stabil

Kadar purata berian pinjaman asas (BLR) bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan kekal tidak berubah pada bulan ini. **Kadar purata pinjaman (ALR)** bagi bank perdagangan stabil pada 6.50%. Persaingan dalam berian pinjaman di kalangan syarikat kewangan menyumbang kepada kadar berian pinjaman yang lebih rendah dan dengan itu, kadar purata ALR bagi syarikat kewangan terus mencatatkan arah aliran menurun kepada 9.75% (9.81% pada akhir bulan November).

Kadar Faedah Berian Pinjaman: Bank Perdagangan & Syarikat Kewangan



ALR bagi bank perdagangan stabil sementara ALR bagi syarikat kewangan terus menunjukkan arah aliran menurun

Pada 15 Januari 2003, struktur terma bagi **purata kadar faedah deposit tetap** bagi semua tempoh matang untuk bank perdagangan dan syarikat kewangan kekal tidak berubah.

Struktur Terma Kadar Deposit Tetap: Bank Perdagangan



Kadar faedah deposit tetap bagi bank perdagangan kekal tidak berubah



...begitu juga bagi syarikat kewangan



Kadar faedah benar deposit tetap 3-bulan bagi bank perdagangan menurun sedikit, disebabkan oleh kenaikan marginal kadar inflasi

Ringgit menyusut nilai berbanding mata wang utama dan serantau pada bulan Disember

Pada bulan Disember, **nilai ringgit menyusut berbanding semua mata wang utama**. Berbanding euro, paun sterling dan yen Jepun, nilai ringgit menyusut, masing-masing sebanyak 5.2%, 3.3% dan 3%, selaras dengan kelemahan dolar AS di pasaran pertukaran mata wang asing antarabangsa. Dolar AS dipengaruhi secara negatif akibat meningkatnya kebimbangan terhadap ketegangan geopolitik di Timur Tengah dan Asia Utara pada penghujung tempoh tersebut.

Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Utama
(Purata mingguan)



Ringgit menyusut nilai pada bulan Disember

Nilai ringgit menyusut berbanding kesemua mata wang serantau dalam lingkungan 0.5%-1.6%. Selain daripada kelemahan dolar AS, perkembangan-perkembangan yang tertentu membawa kepada peningkatan dalam nilai mata wang serantau. Dolar Singapura disokong oleh data eksport, jualan runcit dan inflasi yang melebihi jangkaan, sementara baht Thai disokong oleh data ekonomi yang positif dan kemasukan dana yang berkaitan dengan pasaran ekuiti. Sementara itu, peso Filipina disokong oleh kemasukan dana daripada kiriman wang oleh rakyat Filipina yang bekerja di luar negara.

Prestasi Ringgit berbanding Mata Wang Serantau
(Purata mingguan)



Ringgit juga menyusut nilai berbanding mata wang serantau

Sepanjang tempoh **1 – 24 Januari 2003**, nilai ringgit terus menyusut berbanding mata wang utama dan serantau disebabkan oleh dolar AS yang semakin lemah. Mata wang AS terus dipengaruhi oleh sifat mengelak risiko yang berpunca daripada ketegangan geopolitik dan prospek defisit berkembar yang lebih besar di AS. Tambahan lagi, dolar AS dipengaruhi secara negatif oleh penerbitan data pekerjaan yang lebih lemah daripada jangkaan dan nombor jualan runcit dan pengeluaran perindustrian AS yang lemah bagi bulan Disember, serta peningkatan jurang defisit dagangan AS pada bulan November. Disebabkan oleh dolar AS yang lebih lemah, ringgit menyusut nilai berbanding euro, paun sterling dan yen Jepun, masing-masing sebanyak 2.7%, 1.5% dan 0.5%. Ringgit juga menyusut nilai sebanyak 0.3% - 1.4% berbanding semua mata wang serantau. Prestasi ringgit berbanding peso Filipina merupakan pengecualian, di mana ringgit meningkat nilai sebanyak 0.9%.

Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih

RM kepada satu unit mata wang asing	2 September 1998	Akhir-Dis. 2002	24 Jan. 2003	% Perubahan			
				Disember 2002	Akhir-Dis 2002. - 24 Jan. 2003	Akhir-2001 - 24 Jan. 2003	2 Sep. 1998 - 24 Jan. 2003
Dolar AS	3.8000	3.8000	3.8000	0.0	0.0	0.0	0.0
Euro	-	3.9811	4.0911	-5.2	-2.7	-17.7	-
Paun sterling	6.3708	6.0924	6.1834	-3.3	-1.5	-10.8	3.0
100 yen Jepun	2.7742	3.2020	3.2197	-3.0	-0.5	-10.1	-13.8
Dolar Singapura	2.1998	2.1887	2.1955	-1.5	-0.3	-6.5	0.2
100 baht Thai	9.3713	8.8096	8.9014	-0.6	-1.0	-3.4	5.3
100 peso Filipina	8.8302	7.1462	7.0843	-0.7	0.9	4.0	24.6
100 rupiah Indonesia	0.0354	0.0425	0.0427	-0.5	-0.5	-14.5	-17.1
100 won Korea	0.2827	0.3197	0.3242	-1.6	-1.4	-11.1	-12.8

Inflasi meningkat sedikit pada bulan Disember

Kadar inflasi tahunan, seperti yang diukur oleh **Indeks Harga Penguna (IHP, 2000=100),** meningkat sedikit ke tahap 1.7% pada bulan Disember (November: 1.6%). Pada asas bulanan, IHP juga meningkat sebanyak 0.2%. Kadar inflasi yang lebih tinggi ini terutamanya disebabkan oleh kenaikan bagi harga makanan. Khususnya, harga bagi buah-buahan dan sayur-sayuran meningkat dengan lebih nyata pada bulan ini berikutan keadaan cuaca yang kurang baik.

Indeks Harga Pengguna



Inflasi meningkat sedikit pada bulan Disember

Harga pengeluar terus mengukuh

Harga pengeluar, seperti yang diukur oleh **Indeks Harga Pengeluar (IHPR, 1989=100),** meningkat sebanyak 10.3% pada asas tahunan pada bulan November (Oktober: 9.9%), mencerminkan harga yang lebih tinggi bagi minyak sawit mentah, minyak mentah dan getah. Tidak termasuk barangan yang berkaitan dengan komoditi, IHPR terlaras meningkat sebanyak 0.4%.



Harga pengeluar terus mengukuh

Bekalan wang terus berkembang

Bekalan wang terus berkembang pada bulan Disember. M1 meningkat sebanyak RM1.1 bilion pada bulan Disember, disebabkan oleh perbelanjaan penggunaan sempena cuti akhir tahun dan musim perayaan yang telah meningkatkan permintaan mata wang dan deposit permintaan. Pada bulan ini, kenaikan dalam wang secara luas, M3 sebanyak RM2.6 bilion, berpunca daripada aktiviti pembiayaan bank kepada sektor swasta (RM3.4 bilion termasuk pinjaman yang dihapus kira dan ditukar ke ekuiti).

Peningkatan dalam deposit Kerajaan berikutan isu baru MGS pada bulan ini tidak memberi kesan ke atas bekalan wang. Ini adalah kerana isu baru MGS itu telah dibeli oleh sebuah institusi kewangan bukan bank (NBFI) dengan mengeluarkan depositnya daripada BNM.

Penentu-Penentu M3

(RM bilion)

… berpunca terutamanya daripada aktiviti pembiayaan bank

	Perubahan pada tempoh			
	2002			
	Okt	Nov	Dis	Jan - Dis
M3	1.9	6.5	2.6	31.6
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	3.1	1.8	-3.6	11.7
Tuntutan ke atas sektor swasta	3.4	4.6	0.1[1/]	26.3
Operasi luar bersih	0.3	1.0	-2.3[2/]	1.2
Pengaruh lain	-4.9	-0.9	8.4	-7.5

1/ Termasuk pinjaman yang dihapus kira dan di tukar ke ekuiti, tuntutan ke atas sektor swasta berjumlah RM3.4 bilion

2/ sebelum penilaian semula

Agregat Monetari: Pertumbuhan Tahunan



Ketiga-tiga agregat monetari berkembang pada asas tahunan

M3: Perubahan Bulanan



Pada asas bulanan, M3 terus meningkat pada bulan Disember

Deposit sistem perbankan terus meningkat pada bulan Disember

Jumlah deposit sistem perbankan terus meningkat sebanyak RM3.3 bilion atau 0.7%. Simpanan yang lebih tinggi diterima daripada institusi kewangan dan individu, mencerminkan pendapatan yang lebih tinggi terutama disebabkan oleh bayaran bonus pada akhir tahun.

Perubahan Bulanan dalam Deposit **(RM juta)**

	2002		
	Sep.	**Okt.**	**Nov.**
Penyimpan			
Kerajaan Persekutuan	-857	426	-45
Kerajaan Negeri	-230	-12	-111
Badan Berkanun[1/]	-320	-360	-168
Institusi Kewangan	927	1,355	4,176
Perusahaan Perniagaan	1,762	2,950	-3,543
Individu	1,868	2,105	2,559
Lain-lain	46	-123	432
Jumlah	**3,196**	**6,341**	**3,300**

[1/] Termasuk Kerajaan Tempatan.

Simpanan yang lebih tinggi oleh individu dan institusi kewangan

Perubahan Bulanan dalam Deposit **(RM juta)**

	2002		
	Sep.	**Okt.**	**Nov.**
Jenis			
Deposit tetap	28	346	-1,008
NID	2,514	338	1,623
Deposit permintaan	292	1,894	695
Deposit tabungan	213	467	1,754
Perjanjian beli balik *(Repo)*	28	2,665	-12
Deposit mata wang asing	-304	347	82
Deposit SPI	379	407	-266
Lain-lain	46	-123	432
Jumlah	**3,196**	**6,341**	**3,300**

…. dicerminkan terutamanya dalam deposit tabungan dan NID yang diterbitkan

Pembiayaan bank lebih tinggi kepada sektor swasta

Suasana kadar faedah yang rendah dan keadaan mudah tunai yang lega membolehkan permbiayaan berkembang dengan kukuh untuk menyokong aktiviti ekonomi dalam negeri. **Pembiayaan kasar** melalui pinjaman yang diberikan oleh sistem perbankan dan pasaran modal meningkat dengan nyata sebanyak 12.8% kepada RM41.7 bilion pada bulan Disember (RM37 bilion pada bulan November). Kenaikan ini lebih ketara bagi sektor perbankan di mana kelulusan dan pengeluaran pinjaman adalah lebih tinggi.

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem perbankan meningkat dengan lebih tinggi sebanyak 8.5% kepada RM36.4 bilion pada bulan Disember. Pengeluaran pinjaman meluas dan meliputi pelbagai sektor. Pertumbuhan dalam pengeluaran kepada sektor korporat melebihi pertumbuhan pengeluaran pinjaman kepada individu. Sementara itu, nilai permohonan pinjaman berjumlah sebanyak RM15.8 bilion (RM16.8 bilion pada bulan November).

Permohonan, Kelulusan, Pengeluaran dan Pembayaran Balik Pinjaman (RM bilion)



Kelulusan, pengeluaran dan bayaran balik pinjaman meningkat pada bulan Disember

Dana kasar yang diterbitkan daripada pasaran PDS juga meningkat dengan ketara sebanyak RM4.9 bilion pada bulan ini. Sebahagian besar daripada dana ini disalurkan kepada sektor perkhidmatan kewangan dan pengangkutan.

Pengeluaran Pinjaman kepada Sektor Terpilih



Pengeluaran pinjaman kekal meluas

Pada bulan Disember, bayaran balik pinjaman juga meningkat dengan lebih tinggi sebanyak 9.6% kepada RM36 bilion dan berpunca daripada sektor perniagaan. Ini, berserta dengan pinjaman yang telah dihapus kira dan ditukar kepada ekuiti (RM3.3 bilion), pinjaman sistem perbankan yang belum dijelaskan telah menurun (-RM1.1 bilion). Jika diambil kira pinjaman yang dihapus kira dan ditukar kepada ekuiti, pinjaman yang belum dijelaskan meningkat sebanyak RM2.2 bilion atau 5% pada bulan Disember.

Bagi tahun 2002 secara keseluruhannya, pengeluaran pinjaman meningkat sebanyak 9.9% atau RM36.9 bilion. Sebahagian besar daripadanya disalurkan kepada sektor perniagaan (66%), terutamanya kepada sektor perkilangan (26%), perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel (16%), dan pembinaan (7%). Pengeluaran kepada individu mencakupi 24%, dan disalurkan terutamanya untuk pembelian rumah kediaman (7%) dan kereta penumpang (6%) serta perbelanjaan kad kredit (6%). Sementara itu, bayaran balik pinjaman meningkat sebanyak 9.8% atau RM35.7 bilion. Pada tahun 2002, pinjaman yang belum dijelaskan meningkat sebanyak RM20.1 bilion atau 4.3%. Jika diambil kira pinjaman yang dihapus kira dan ditukar kepada ekuiti pada tahun ini, pinjaman yang belum dijelaskan meningkat sebanyak RM32.5 bilion atau 5%.

Peminjam kecil terus berupaya untuk mendapat akses kepada pembiayaan daripada sistem perbankan. Pinjaman bernilai RM500,000 dan ke bawah meningkat pada kadar yang lebih cepat iaitu sebanyak 13.8% pada tahun 2002. Pinjaman yang bernilai kurang daripada RM100,000, dan di antara RM100,000 dan RM500,000 meningkat masing-masing sebanyak 15% dan 12% pada akhir tahun 2002 (masing-masing sebanyak 12% dan 11% pada akhir tahun 2001). Pinjaman kecil yang disalurkan kepada perusahaan perniagaan yang bernilai kurang daripada RM100,000 meningkat pada kadar yang lebih cepat iaitu sebanyak 24.3% pada tahun ini.

Daripada segi peratusan bahagian, pinjaman bernilai kurang daripada RM100,000, dan di antara RM100,000 dan RM500,000 masing-masing mencakupi bahagian sebanyak 30% dan 23% daripada jumlah pinjaman yang belum dijelaskan, lebih tinggi daripada 27% dan 21% daripada jumlah pinjaman pada akhir tahun 2001. Institusi perbankan juga turut memberi penekanan yang lebih terhadap pinjaman kepada perusahaan kecil dan sederhana (SME). Walaupun peratusan bahagian pinjaman yang diberikan kepada SME berbanding jumlah pinjaman adalah stabil (17%), peratusannya berbanding jumlah pinjaman perusahaan perniagaan yang diberikan oleh sistem perbankan meningkat daripada 26% pada tahun 1997 kepada 34% pada akhir tahun 2002.

Penebusan bersih di dalam pasaran modal

Pasaran modal mencatatkan penebusan bersih berjumlah RM163.4 juta pada bulan Disember terutamanya disebabkan oleh penebusan awal dalam pasaran sekuriti hutang swasta oleh sebuah syarikat sektor infrastruktur. Walau bagaimanapun, jumlah kasar dana yang diperoleh daripada pasaran sekuriti hutang swasta, kekal tinggi sebanyak RM5.1 bilion, sementara dana yang diperoleh melalui pasaran ekuiti adalah rendah sebanyak RM400 juta, mencerminkan sentimen yang lemah di pasaran ekuiti. Di sektor awam, dana yang diperoleh meningkat terutamanya melalui terbitan baru Sekuriti Kerajaan Malaysia 2/02.

Dana Bersih yang Diperoleh daripada Pasaran Modal 1/



1/ Dana bersih yang diperoleh daripada pasaran modal oleh sektor swasta (termasuk bon Cagamas dan Danaharta)

Penebusan bersih yang sedikit di pasaran modal

Pada bulan Disember, **Indeks Komposit Bursa Saham Kuala Lumpur** (IK BSKL) meningkat berikutan minat belian terutamanya untuk saham-saham berkaitan indeks. Pada bulan Disember, IK BSKL ditutup tinggi pada 646.32 mata, peningkatan sebanyak 2.7% sejak akhir bulan November. Modal pasaran berjumlah RM481.62 bilion pada akhir bulan Disember, peningkatan sebanyak 1.4% berbanding akhir bulan November. Walau bagaimanapun, bagi keseluruhan tahun, IK BSKL menurun sebanyak 7.1%. Sebaliknya, keseluruhan modal pasaran di pasaran saham Malaysia meningkat sebanyak 3.6%.

Prestasi Indeks Terpilih



IK BSKL meningkat pada bulan Januari

Sentimen di BSKL meningkat pada tiga minggu pertama bulan Januari berikutan pengumuman penubuhan syarikat pengurusan dana baru sektor awam. Di samping itu, beberapa pengumuman korporat yang positif turut membantu meningkatkan sentimen pasaran. Pada 24 Januari, IK BSKL ditutup tinggi pada 668.81 mata (+3.5% dari akhir bulan Disember) dengan modal pasaran sebanyak RM501.87 bilion (+4.2% dari akhir bulan Disember). Purata urusniaga harian adalah lebih tinggi sebanyak 306.1 juta unit, berbanding dengan 118.9 juta unit pada bulan Disember dan 224 juta unit pada tahun 2002. BSKL mencatatkan prestasi yang lebih baik berbanding pasaran serantau sejak awal tahun sehingga 24 Januari.

Rizab Antarabangsa

Rizab antarabangsa bersih Bank Negara Malaysia meningkat kepada RM131.5 bilion atau AS$34.6 bilion pada 31 Disember 2002 dan berjumlah sebanyak RM130.9 bilion atau AS$34.4 bilion pada 15 Januari 2003. Paras rizab adalah memadai untuk membiayai 5.4 bulan import tertangguh dan adalah 4.5 kali hutang luar negeri jangka pendek. Paras rizab ini disokong oleh aliran masuk yang berterusan daripada perolehan eksport yang dibawa pulang dan pelaburan langsung asing. Keuntungan penilaian semula rizab sebanyak AS$645 juta telah juga dicatatkan pada akhir bulan Disember 2002 disebabkan oleh peningkatan nilai Euro, sterling dan yen berbanding dolar AS pada suku keempat. Aliran keluar pada bulan Disember mencerminkan terutamanya pembayaran terhadap import barangan dan perkhidmatan, penghantaran pulang keuntungan dan dividen, pembayaran balik hutang luar negeri serta pelaburan luar negeri dan aliran keluar dana portfolio.

Berbanding dengan paras pada penghujung tahun 2001, rizab meningkat sebanyak RM14.3 bilion atau AS$3.8 bilion pada tahun 2002. Peningkatan rizab mencerminkan terutamanya pembawaan pulang perolehan eksport yang berkekalan, aliran masuk pelaburan langsung asing yang stabil dan pengambilan perolehan bersih daripada pinjaman luar negeri oleh Kerajaan Persekutuan. Aliran keluar pada tahun 2002 mencerminkan terutamanya pembayaran terhadap import barangan dan perkhidmatan yang berkaitan dengan pengembangan aktiviti ekonomi, pelaburan luar negeri dan pembayaran balik hutang luar negeri yang besar oleh sektor swasta, serta aliran keluar dana portfolio. Bagi keseluruhan tahun 2002, keuntungan penilaian semula bersih mengatasi kerugian penilaian semula pada tahun 2001.

Rizab Antarabangsa Bersih
(pada akhir tempoh)



Kedudukan modal kekal kukuh

Sistem perbankan kekal kukuh dengan kualiti asset yang bertambah baik. NPL bersih dari segi amaun terus menurun bagi tujuh bulan berturut-turut. Sebagai peratusan kepada jumlah pinjaman, nisbah NPL bersih (klasifikasi 6-bulan) berada di paras yang sama seperti bulan lepas (7.5%). Nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) merosot sedikit kepada 12.8% disebabkan oleh penurunan dalam modal asas sebanyak RM0.9 bilion, berikutan peningkatan pelaburan dalam subsidiari ekoran daripada satu proses penggabungan.

Kedudukan Kewangan Sistem Perbankan*

	1998	1999	2000	2001		2002		
	Dis.	Dis.	Dis.	Jun	Dis.	Okt.	Nov.	Dis.
Modal (%)								
Nisbah modal teras	8.7	10.1	10.7	10.5	11.1	10.8	10.9	10.7
RWCR	11.8	12.5	12.5	12.6	13.0	13.1	13.1	12.8
NPL bersih (klasifikasi 6-bulan)								
% jumlah pinjaman bersih	8.1	6.4	6.3	8.0	8.1	7.7	7.5	7.5
Jumlah (RM juta)	31,675	23,849	24,700	32,292	32,775	32,302	31,803	31,703
Peruntukan am/Jumlah pinjaman bersih (6-bulan, %)	2	1.9	1.9	1.9	1.9	1.9	1.8	1.8

** Mulai Jun 1999, jadual ini mengambil kira institusi perbankan Islam*

Sistem Perbankan: Petunjuk Kedudukan Modal



….RWCR dan nisbah modal teras masing-masing menurun sedikit kepada 12.8% dan 10.7%

Sistem Perbankan: NPL Bersih dan Peruntukan Am



….NPL bersih dari segi amaun terus menurun, manakala nisbah NPL bersih kekal pada tahap 7.5%

Perangkaan Utama Kewangan dan Perbankan

	November 2002		Disember 2002	
	Baki	Pertumbuhan tahunan	Baki	Pertumbuhan tahunan
	(RM bilion)	(%)	(RM bilion)	(%)
Agregat Monetari				
Wang rizab	43.5	9.4	42.6	6.4
M1	88.0	13.5	89.1	10.3
M2	382.1	7.1	383.7	5.8
M3	498.6	7.1	501.1	6.7
Sistem Perbankan				
Jumlah deposit	501.2	5.9	504.5	5.3
Jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta)	491.6	4.5	490.6	4.3
Jumlah pinjaman (tidak termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta)	428.9	4.1	428.5	4.1
Nisbah pinjaman-deposit (%)	85.6		84.9	
Pinjaman yang diluluskan pada bulan berkenaan	10.1		10.5	
Pengeluaran pinjaman pada bulan berkenaan	33.6		36.4	
Pinjaman yang dibayar pada bulan berkenaan	32.9		36.0	
Keadaan Sistem Perbankan				
Nisbah Modal Berwajaran Risiko (RWCR) (%)	13.1		12.8	
NPL bersih: Klasifikasi 6-bulan (%)	7.5		7.5	
Rizab Antarabangsa BNM (akhir tempoh)				
Rizab dalam RM (bilion)	130.8		131.5	
Rizab dalam Dolar AS (bilion)	34.4		34.6	
Bilangan bulan import tertangguh	5.4		5.4	
Kadar Faedah pada akhir tempoh [purata bagi bulan]				
Antara bank: 1-bulan	2.99[2.96]		2.99[2.98]	
3-bulan	2.85[2.85]		3.13[3.01]	
Deposit tetap bank perdagangan: 1-bulan	3.20[3.20]		3.20[3.20]	
3-bulan	3.20[3.20]		3.20[3.20]	
BLR bank perdagangan	6.39[6.39]		6.39[6.39]	
Harga				
Indeks Harga Pengguna (IHP) (2000=100)	103.6	1.6	103.8	1.7
Indeks Harga Pengeluar (IHPR) 1989=100)	134.6	10.3		
Kadar Pertukaran Ringgit berbanding mata wang terpilih (akhir tempoh)				
Euro	3.7759		3.9811	
Paun Sterling	5.8919		6.0924	
Dolar Singapura	2.1551		2.1887	
100 Yen Jepun	3.1067		3.2020	
100 Baht Thai	8.7588		8.8096	
100 Peso Filipina	7.0942		7.1462	
100 Rupiah Indonesia	0.0423		0.0425	
100 Won Korea	0.3145		0.3197	
Pasaran Modal				
Dana bersih yang diperoleh:				
sektor awam (RM bilion)	1.0		3.7	
sektor swasta (RM bilion)	3.3		-3.9	
Indeks Komposit BSKL (akhir-tempoh)	629.22		646.32	
Nilai pasaran BSKL (RM b) (akhir tempoh)	474.81		481.62	